

01/10/2003

Red Arrows menakjubkan

LANGKAWI: Seakan-akan bertembung. Itulah kehebatan pasukan aerobatik popular Britain, Red Arrows ketika persembahan khas sempena perasmian Lima `03 di ruang udara Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL), Padang Matsirat.

Juruterbang Red Arrows membuktikan kepakaran melakukan beberapa formasi menakjubkan di udara dengan pergerakan bersepadu dan koordinasi sempurna, terutama ketika `fountain split`.

Menerusi formasi itu, puluhan ribu penonton di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), sekitar LTAL dan kawasan tinggi Bukit Cengkuan menyaksikan sembilan pesawat Red Arrows naik menegak sebelum berpisah dengan lima ke atas dan empat ke bawah, umpama percikan bunga api di udara.

Formasi itu adalah yang pertama dipersembahkan di rantau ini selepas mendapat sambutan menggalakkan di United Kingdom dan Eropah. Selain itu, pesawat melepaskan kepulan asap bagi membentuk hati dan panah yang mendapat tepukan penonton.

Kemunculan semula antara pasukan aerobatik terbaik dunia dengan formasi mendebarkan di udara menggunakan pesawat Hawk itu dibawa hasil kerjasama beberapa syarikat pengeluar pesawat Britain.

Pertunjukan aerobatik sejam yang turut disertai juruterbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejurus merasmikan Lima `03, edisi ketujuh sejak pertama kali diperkenalkan pada 1991.

Hadir sama, Sultan Brunei Darussalam, Sultan Hassanal Bolkiah; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak.

Sementara itu, pertunjukan udara oleh TUDM menerusi Skuadron MiG-29N dari pangkalan udara Kuantan dan Skuadron F/A-18D dari pangkalan udara Butterworth tidak kurang hebatnya.

Juruterbang melakukan pelbagai pergerakan koordinasi dan taktikal yang menjadi antara pergerakan yang dilakukan ketika pertempuran sebenar di udara.

Skuadron MiG-29N diketuai Kolonel Affendi Buang, manakala Skuadron F/A-18D diketuai Kolonel Khairuddin Mohd Radzi.

Panglima Tentera Udara, Jeneral Datuk Seri Abdullah Ahmad melakukan kejutan dengan mempamerkan keupayaannya melakukan beberapa formasi menarik di udara dengan menerbangkan pesawat Alouette III, helikopter tertua milik TUDM, berusia 40 tahun.

Abdullah adalah juruterbang tertua terbabit dalam aksi pertunjukan udara di Lima `03. Beliau berumur 55 tahun. Pesawat itu turut memaparkan tulisan `Thank You Dr M' pada sebelah kiri dan `Kerana Mu Dr M' pada kanan ekornya.

Perdana Menteri kemudian melawat tapak pameran di MIEC yang disertai 600 syarikat dari 28 negara sebelum menyaksikan `fleet review' di Awana Porto Malai bagi segmen maritim.

Dengan menaiki bot mewah Al-Khaliq, milik Sapura, beliau meninjau kapal tentera milik Malaysia dan asing yang berlabuh di situ.

Sebanyak 40 kapal perang Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan luar negara serta 50 bot peronda pelbagai agensi dari dalam dan luar negara berlabuh di perairan Awana Porto Malai sepanjang pameran.

Arab Saudi dan Korea Selatan adalah dua negara baru yang menghantar

kapal bagi menyertai Lima kali ini selain negara yang tidak pernah ketinggalan penyertaannya seperti Britain, Jerman, Itali, Perancis dan Russia.

Sebanyak 210 syarikat dari 17 negara menyertai segmen maritim yang menyaksikan rekod penyertaan terbanyak kapal dan bot berbanding Lima lalu.